




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 282 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 48,019 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Lahad Datu dan satu (1) kes di daerah Keningau. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 311 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 43,939 orang. Sejumlah 2,647 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 792 orang di hospital, 1,836 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 19 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 84 orang dan 27 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang bertukar dari zon merah ke zon jingga. Manakala Daerah Tenom berubah dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 282 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 187 kes (66.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 63 kes (22.3%), saringan kluster sedia ada tujuh (7) kes (2.5%), saringan masuk kerja empat (4) kes (1.4%), saringan PERKESO satu (1) kes (0.4%) dan 20 kes (7.1%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,084 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,322 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,506 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 40.69%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

- 1 Di bawah Bantuan Prihatin COVID 2.0, Kerajaan Negeri akan meneruskan pengagihan Bakul Makanan kepada kumpulan sasar melibatkan penduduk Sabah yang terkesan termasuk golongan B40.
- 2 Peruntukan sebanyak RM31.58 juta telah diluluskan dan dijangka sejumlah 315,000 Ketua Isi Rumah (KIR) akan mendapat manfaat dari peruntukan ini.
- 3 Pengagihan Bakul Makanan secara berperingkat telah dimulakan pada 26 Januari 2021 ke seluruh daerah.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 39,562 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 74 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 38 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 22 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan lapan (8) premis, di enam (6) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Keningau, Lahad Datu, Sandakan, Semporna dan Kinabatangan.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 117 lokasi di 17 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.

#### **D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.75%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	95%
2	Kota Belud	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Tenom	94%
6	Beluran	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	92.5%
12	Kudat	92.5%
13	Papar	92%
14	Sandakan	92%
15	Semporna	92%
16	Kota Kinabalu	91.5%
17	Penampang	91.5%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi membendung penularan pandemik COVID- 19.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
28 Januari 2021**